

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 20 SEPTEMBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 4

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1441-L12038
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji pemberian subsidi berasaskan '*output*' dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran padi negara di samping terus menjaga kepentingan dan kebajikan para pesawah.

2. PR-1441-L12319
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan sejauh mana pemantauan Kementerian terhadap aktiviti pembalakan di kawasan hutan khususnya di kawasan yang digazet sebagai hutan simpanan dan tindakan yang diambil terhadap kes-kes pelanggaran.

3. PR-1441-L11974
Dato' Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah proaktif yang diambil untuk membendung penyalahgunaan media sosial khususnya aplikasi *Whatsapp* dan *Facebook* yang mencetuskan suasana kegusaran dalam kalangan orang ramai terutamanya berkaitan vaksin COVID-19.

4. PR-1441-L11664
Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik jumlah kanak-kanak yang telah menjadi anak yatim akibat COVID-19 dan langkah Kementerian dalam penjagaan dan kebajikan kanak-kanak ini mengikut pecahan mereka yang kehilangan ibu dan ayah, kehilangan kedua-duanya dan/atau kehilangan penjaga.

5. PR-1441-L11732
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk:-
 - (a) memberi perkhidmatan bank secara tetap di Sungai Asap ;
dan
 - (b) menambah bilangan mesin ATM di Pekan Belaga.

6. PR-1441-L11637
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh manakah perhatian telah diberikan kepada kesengsaraan yang dihadapi oleh industri pelancongan dan sama ada strategi berkesan telah dilaksanakan untuk menyelamatkan industri ini yang terkesan teruk akibat pandemik COVID-19.

7. PR-1441-L12056
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan kriteria utama pemilihan guru seramai 18 ribu orang dan nyatakan keperluan sebenar kekosongan guru di seluruh negara.

8. PR-1441-L12298
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian ada menjalankan kajian berkenaan kesan pembelajaran *online* terhadap kualiti graduan dan kadar pengangguran sewaktu pandemik ini.

9. PR-1441-L11622
Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula ketetapan untuk membuka semula sesi persekolahan secara berperingkat untuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bersemuka mulai 1 September 2021.

10. PR-1441-L11699
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan penternak ikan patin (akuakultur) di daerah Temerloh terjejas teruk akibat pandemik COVID-19 yang mengakibatkan terputusnya rantaian bekalan (*supply chain*) di mana harga bekalan makanan dan benih ikan meningkat serta jualan kepada pelanggan tidak dapat dilakukan seperti biasa. Apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan penternak ikan patin berupaya bangkit semula dengan mampan.

11. PR-1441-L11910
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian untuk membantu keluarga, OKU dan masyarakat yang terjejas dengan pandemik COVID-19.
12. PR-1441-L11611
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian telah meluluskan pembinaan Lapangan Terbang Kulim yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Kedah dan sama ada ia sebahagian daripada *National Aviation Plan* Kerajaan Persekutuan.
13. PR-1441-L11789
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah usaha yang diambil dalam menggalakkan lebih banyak kepakaran dari pihak industri disumbangkan untuk meningkatkan rating dan kadar kebolehpasaran graduan di Universiti Awam (UA).
14. PR-1441-L11945
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang laporan *Families on The Edge* oleh UNICEF Malaysia bagi keadaan isi rumah golongan rentan menunjukkan kadar kemiskinan meningkat kepada 45 peratus pada Mei 2021. Golongan M40, B40 mempunyai tabungan yang semakin menyusut. Apakah inisiatif Kerajaan untuk meminimalkan krisis penyusutan kewangan khususnya bagi golongan B40 dan M40.
15. PR-1441-L11972
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah usaha untuk meningkatkan liputan telefon dan internet di kawasan luar bandar di seluruh negeri Sarawak dan khususnya di Serian.
16. PR-1441-L11764
Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimana pencapaian terkini Kementerian untuk mensasarkan 11 ribu kaunselor profesional dilahirkan bagi tahun 2020 agar dapat menyeimbangkannya dengan nisbah penduduk yang sedia ada.

17. PR-1441-L12178
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan pencapaian sistem Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR) sepanjang tempoh pandemik COVID-19 dari segi penerimaan dan pencapaian pelajar, aduan para guru dan maklum balas ibu-bapa.
18. PR-1441-L12477
Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan cukai keuntungan luar jangka atau (*Windfall Tax*) untuk menambah pendapatan Kerajaan sekaligus membolehkan Kerajaan menyuntik lebih banyak kepada ekonomi. Jika ya, apakah definisi keuntungan luar jangka dan kadar cukai yang akan dikenakan.
19. PR-1441-L12208
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan langkah strategik jangka pendek bagi mengatasi masalah keciciran murid khususnya bagi Tahun Satu dan Tahun Dua dalam aspek literasi dan numerasi yang merangkumi fasa 3M (membaca, mengira dan menulis).
20. PR-1441-L12102
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perancangan dan langkah diambil Kementerian dalam mengurus isu pemerdagangan kemiskinan yang sering mencetuskan pelbagai respon kepada rakyat dan negara.
21. PR-1441-L12082
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan bilakah pengambilan guru secara *one-off* yang dicadangkan oleh Kementerian dan apakah mekanisme yang dilaksanakan oleh Kementerian berkenaan status guru yang memohon untuk mengajar di kampung halaman.
22. PR-1441-L11791
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan strategi yang telah diambil dalam memastikan pedagogi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dilaksanakan sebaiknya, khasnya dalam melatih guru-guru, menyepadukan buku teks digital, video pengajaran dan sebagainya.

23. PR-1441-L12297
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk menangani masalah kesihatan mental di kalangan mahasiswa pengajian tinggi yang mana telah banyak kematian.
24. PR-1441-L12197
Puan Yeo Bee Yin [Bakri] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan sama ada Kementerian akan menggalakkan persaingan (mengelak monopoli) dalam pembelian bahan api dengan menambah mekanisme perkongsian penjimatan dengan *Independent Power Producer* (IPP) seperti yang dirancang di MESI 2.0.
25. PR-1441-L12279
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status semasa penyerahan komputer riba kepada murid-murid B40 menerusi inisiatif Tabung CERDIK.
26. PR-1441-L12275
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan Kementerian untuk memastikan Pusat Jagaan mempunyai kebolehan dalam pencegahan dan pengawalan jangkitan COVID-19 mengikut Seksyen 7(f) Bahagian II Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506).
27. PR-1441-L12209
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh mana penyertaan dan manfaat yang diraih oleh usahawan PKS dalam inisiatif pendigitalan PKS serta Skim Geran Pendigitalan PKS yang dilaksanakan berdasarkan kepada Belanjawan 2021.
28. PR-1441-L11753
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan laporan kajian dan penilaian Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) serta sejauh manakah keberkesanan PdPR ini terhadap sistem pendidikan negara.
29. PR-1441-L11478
Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah insentif yang diberikan kepada para pengusaha IPTS dan tadika swasta yang terkesan teruk akibat kesan ekonomi di kala wabak COVID-19.

30. PR-1441-L12033
Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh mana tahap sistem bantuan psikologi di Malaysia ini membantu dan memainkan peranan dalam keadaan ramai rakyat yang tertekan kerana masalah kewangan dan kehilangan ahli keluarga akibat pandemik COVID-19.
31. PR-1441-L11778
Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status terkini pakej stimulus negara dan status penyampaian Bantuan Prihatin yang diumumkan.
32. PR-1441-L11496
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah pelan jangka masa panjang bagi Dasar Pendidikan Negara yang perlu seiring dengan situasi pasca pandemik COVID-19 mengambil kira segala kekangan dan cabaran sistem pendidikan sepanjang hampir 2 tahun berdepan dengan situasi ini.
33. PR-1441-L12112
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian telah melaksanakan satu kajian menyeluruh berkenaan keberkesanan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) ; dan
 - (b) apakah langkah yang akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi memperkasakan PdPR sekiranya pandemik COVID-19 ini semakin memburuk dan sekolah masih tidak dapat dibuka.
34. PR-1441-L12479
Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pandangan Kerajaan terhadap jangkaan pertumbuhan KDNK yang dilakukan oleh *Fitch Solutions* baru-baru ini dan langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan pertumbuhan KDNK yang realistik mengambil kira persekitaran ekonomi semasa.

35. PR-1441-L11525
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah terbaru yang praktikal bagi Pelan Pemulihan Negara dalam memastikan kestabilan politik, pertumbuhan ekonomi, kesihatan rakyat dan keharmonian sosial dalam tempoh pendek, sederhana dan panjang.
36. PR-1441-L11534
Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status terkini mengenai program-program di Limkokwing University of Creative Technology (LUCT) yang mana pentauliah telah ditarik oleh MQA dan apa yang telah dilakukan untuk membantu para pelajar yang terlibat.
37. PR-1441-L12348
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan untuk mewujudkan *ATM Mobile Banking* di kawasan Pulau Brait dan Bandar Baru Tanjong Manis. Penduduk di kawasan ini sangat terkesan kerana ketiadaan mesin ATM semasa sekatan PKP yang lepas kerana jarak perjalanan ke bank terdekat adalah terlalu jauh dan membebankan penduduk.
38. PR-1441-L12198
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah kos yang ditanggung oleh guru dalam masa sebulan melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) kepada murid-murid dan, adakah Kementerian bercadang memberikan elaun PdPR kepada guru bagi meringankan kos yang ditanggung guru-guru yang melaksanakan PdPR.
39. PR-1441-L11904
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status terkini perkembangan Jalinan Digital Negara (JENDELA).
40. PR-1441-L12648
Tuan Baru Bian [Selangau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pada tahun 1995, Malaysia telah menandatangani Konvensyen Hak Kanak-Kanak dan telah meratifikasikan beberapa perkara dalam konvensyen tersebut tetapi Malaysia telah menetapkan reservasi terhadap Perkara 7 Konvensyen Hak Kanak-Kanak.

41. PR-1441-L11608
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan senarai perlantikan baru ahli-ahli Senat baru di semua universiti awam di Malaysia dari Mac 2020 hingga sekarang dan apakah kelayakan akademik tertinggi setiap mereka yang dilantik. Sama ada mereka dilantik mengikut hubungan politik atau keupayaan akademik mereka.
42. PR-1441-L12620
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan penjelasan apakah langkah-langkah akan diambil untuk melindungi kanak-kanak bila membuka sekolah-sekolah, seperti tindakan yang dilaksanakan oleh lain-lain negeri, contohnya, Denmark mengadakan beberapa fasa bermula dengan kanak-kanak berumur 12 ke bawah kerana mereka adalah kumpulan yang berisiko rendah dan serentak masih mengadakan pembelajaran maya untuk pelajar-pelajar berumur 12 tahun ke atas dan sebagainya.
43. PR-1441-L12155
Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan pelan strategi yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengurangkan tekanan kepada guru dengan bebanan tugas dan pengajaran secara PdPR sejak pandemik COVID-19 menular.
44. PR-1441-L11584
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan berapa kapasiti pemprosesan dan kapasiti penyimpanan benih padi bagi setiap syarikat pembekalan benih padi sah masing-masing.
45. PR-1441-L11862
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah untuk menyemak semula dasar syarikat-syarikat insurans yang tidak melindungi kepentingan pemegang insurans akibat pandemik.
46. PR-1441-L11991
Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan dan dasar Kerajaan untuk meningkatkan peruntukan KDNK dalam sektor kesihatan di mana WHO mensasarkan 7% peruntukan untuk sektor kesihatan daripada KDNK sesebuah negara sedangkan Malaysia hanya memperuntukkan 3.8% daripada KDNK untuk sektor kesihatan pada setakat masa ini.

47. PR-1441-L11562
Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan inisiatif untuk memulihkan sektor pelancongan negara pasca COVID-19. Nyatakan kesan dan anggaran kerugian yang ditanggung oleh sektor pelancongan domestik akibat pandemik COVID-19.
48. PR-1441-L12598
Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan membentangkan pelan pembukaan sekolah bagi memastikan para pelajar dan warga sekolah dapat kembali ke sekolah dengan selamat dan bebas dari ancaman wabak pandemik, memandangkan Kementerian telah beberapa kali menangguhkan tarikh pembukaan semula sekolah dan kerisauan ibu bapa apabila pelajar masih belum termasuk dalam senarai penerima vaksin di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan .
49. PR-1441-L11570
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan keberkesanan pembelajaran dan pengajaran atas talian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
50. PR-1441-L12092
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan data dan statistik jenayah seksual atas talian bagi tahun 2020 hingga 2021 serta langkah pihak berkuasa dalam inisiatif menangani serta memantau laporan buli siber kebelakangan ini.
51. PR-1441-L11846
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan dengan secara terperinci jumlah dan statistik kes-kes bunuh diri dan keganasan rumah tangga semenjak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan Mac 2020 sehingga kini. Apakah langkah yang diambil Kerajaan untuk menghulurkan pertolongan atau bantuan apabila menghadapi tekanan hidup akibat pelaksanaan PKP ini.
52. PR-1441-L11466
Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha yang sedang digerakkan bagi mempercepatkan pembukaan pawagam di seluruh negeri Sabah yang merupakan antara sektor perniagaan yang paling teruk terkesan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan.

53. PR-1441-L11681

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan rancangan vaksinasi murid-murid sekolah rendah, sekolah menengah dan ke atas untuk pembukaan semula sekolah. Nyatakan faktor-faktor pertimbangan Kementerian semasa membuat keputusan pembukaan semula sekolah, seumpama bila buka dan SOP sebagainya, agar meyakinkan semua pihak seperti sekolah, guru, ibu bapa dan murid-murid.

54. PR-1441-L12347

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) komitmen Kementerian memanjangkan bantuan pengudaraan, penapis HEPA dan saringan COVID-19 kepada pusat penjagaan warga emas, taska dan pusat penjagaan kanak-kanak; dan
- (b) pelan Kementerian untuk memudahkan urusan pengendalian sokongan dan pembelajaran kanak-kanak kelainan upaya secara *on-site*, sebagaimana dilaksanakan di Singapura.

55. PR-1441-L11480

Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pelan bersasar buat lepasan SPM dari keluarga miskin luar bandar di Sabah yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi dalam jurusan minyak dan gas menerusi biasiswa tajaan Petronas dan syarikat-syarikat terkemuka yang lain.

56. PR-1441-L12362

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-

- (a) proses peruntukan spektrum tambahan kepada Syarikat Altel; dan
- (b) keperluan pelesenan industri pengkomputeran awan dan impak sosioekonomi terhadap usaha pendigitalan perusahaan mikro, kecil, dan sederhana dan keputusan Kementerian berkenaan dengan dasar kabotaj negara yang semakin menjejaskan pelaburan langsung asing teknologi.

57. PR-1441-L12548

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pembekalan peranti komputer riba ataupun tablet yang telah dijanjikan oleh pihak Kementerian bagi sekolah mahupun pelajar. Mohon jumlah peranti komputer atau tablet yang telah diterima oleh pelajar mahupun sekolah yang terpilih di bawah Parlimen Shah Alam.

58. PR-1441-L11850

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-

- (a) berapa bilangan Pusat Internet Komuniti (PIK) di negeri Pulau Pinang dalam tempoh 2017 hingga 2021 ; dan
- (b) apakah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bercadang untuk menyediakan lebih banyak PIK di negeri Pulau Pinang dalam tempoh lima (5) tahun akan datang bagi membantu golongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

59. PR-1441-L11646

Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan strategi-strategi terkini yang dirancang bagi membina semula keyakinan pelancong domestik dan antarabangsa bahawa Malaysia merupakan destinasi selamat untuk dikunjungi apabila aktiviti pelancongan dibenarkan kelak.

60. PR-1441-L11880

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian ada menerima data kes-kes wanita-wanita yang terpaksa melacurkan diri demi sesuap nasi semasa pandemik ini.

61. PR-1441-L11633

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah yang tercicir pada tahun ini dan tahun lepas dan perbezaan dengan tahun 2018 dan 2019 serta sebab keciciran ini.

62. PR-1441-L11593
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membanteras wabak COVID-19 sejak tahun 2020 hingga sekarang dan berapa pula telah dirizabkan untuk kegunaan akan datang memandangkan kes jangkitan dan kematian semakin meningkat setiap hari seumpama tiada noktah dan bagaimana Pelan Pemulihan Negara boleh berjaya sepenuhnya sedangkan tahap kesedaran rakyat belum memuaskan lagi.
63. PR-1441-L12123
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan statistik bilangan murid tercicir pelajaran akibat impak COVID-19 dan perancangan holistik Kerajaan di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah bagi menggantikan semula tahun-tahun yang mana sesi pendidikan telah berlangsung secara atas talian.
64. PR-1441-L12232
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan rancangan Kerajaan bagi menambah baik capaian internet khususnya di sekolah-sekolah di kawasan luar bandar bagi meringankan tekanan yang dihadapi oleh guru-guru di negara ini yang juga keperluan masa depan, bukan di masa pandemik sahaja.
65. PR-1441-L11645
Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewajibkan insurans pelancongan bagi pelancong dari luar negara pasca pandemik COVID-19.
66. PR-1441-L11990
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan dengan situasi COVID-19 yang semakin teruk, bagaimanakah Kementerian dapat memastikan bahawa pelajar-pelajar dan guru-guru boleh kembali ke sekolah dengan selamat seperti yang diumumkan dan apakah keyakinan Kementerian untuk dapat memberi kesemua pelajar vaksinasi sebelum tarikh berkenaan.
67. PR-1441-L11914
Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci berapa hari persekolahan yang melibatkan PdPR dari tahun 2020 sehingga kini. Bagaimana Kementerian mengukur keberkesanan PdPR.

68. PR-1441-L12271
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengenal pasti pemilik Pusat Jagaan Warga Emas yang berlesen atau tanpa lesen mendaftarkan penghuni pusat mereka untuk menerima vaksin.
69. PR-1441-L12406
Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh manakah usaha mempromosi Malaysia sebagai destinasi pelancongan selamat pasca COVID-19 ke pasaran antarabangsa sesuai dengan kajian daripada TripAdvisor di mana 91% responden ingin memastikan sanitasi yang kerap di kawasan awam, 90% ingin informasi COVID-19 yang tepat .
70. PR-1441-L12414
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah keseluruhan perbelanjaan Kerajaan bagi menangani pandemik COVID-19 dan sumber kewangan yang digunakan.
71. PR-1441-L12488
Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci apa sebab projek lintaran komunikasi 5G bernilai RM11.5 bilion diberi kepada Syarikat Ericson serta harga tender syarikat komunikasi yang lain sebagai bandingan.
72. PR-1441-L12161
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) jumlah terkini penerima Skim mySalam khususnya di negeri Sarawak jika dibandingkan dengan jumlah penerima di negeri Sarawak pada tahun 2019 serta jumlah tuntutan yang telah dibuat pada tahun 2019, 2020 dan 2021 (sehingga Ogos); dan
 - (b) adakah golongan M40 masih dilindungi oleh mySalam sehingga sekarang dan nyatakan jumlah mySalam tuntutan COVID-19 setakat ini.

73. PR-1441-L12330
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan statistik tahunan pengambilan guru mengikut kepelbagaian bangsa dan jelaskan bagaimana pembahagian kuota pengambilan seseorang guru bagi mengelakkan ketidakseimbangan terutama sekali daripada aspek pemilihan bangsa dan negeri kediaman selain daripada kriteria asas iaitu latar belakang pendidikan seseorang pemohon.
74. PR-1441-L12205
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan berapakah keluasan hutan simpanan kekal paya bakau di daerah Kerian dan adakah pihak kementerian bercadang bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk menambah jumlah keluasan hutan simpanan kekal paya bakau di daerah Kerian bagi mengekalkan eko-sistem dan sebagai penampakan semula jadi dari ribut dan ancaman tsunami.
75. PR-1441-L12220
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah terdapat sebarang usaha untuk melaksanakan pembaharuan dalam sistem pengajian tinggi terutamanya berkaitan silibus pengajian bagi kursus-kursus yang ditawarkan agar dapat membantu meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran para siswazah.
76. PR-1441-L12430
Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah cabutan khas (*special draw*) pada tahun 2021 mengikut semua syarikat judi nombor ramalan.
77. PR-1441-L11502
Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [Kuala Langat] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan pelaksanaan projek pembangunan sistem e-Tanah bagi meningkatkan produktiviti di samping memberi kemudahan kepada orang awam berkaitan pengurusan tanah di Pejabat Tanah dan Galian Negeri dan Pejabat Tanah (PTG) dan Daerah (PDT). Apakah status kini dan faedah serta impak pelaksanaan dan pembangunan sistem ini kepada orang ramai dan Kerajaan.

78. PR-1441-L11485
Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha bersepadu Kementerian bersama-sama agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri Sabah dalam memberi vaksinasi kepada golongan OKU dari kawasan luar yang tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di seluruh Sabah dan bagaimanakah usaha tersebut dilaksanakan.
79. PR-1441-L12345
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana tahap keberkesanan sistem PdPR di kawasan pedalaman menurut data bagi pencapaian kemajuan seseorang pelajar. Nyatakan pecahan data tersebut.
80. PR-1441-L11786
Datuk Mohd. Azis bin Jamman [Sepanggar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan data dan rekod terkini daripada Kementerian Kewangan, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan data E-kasih berkenaan penerima bantuan di seluruh negara bagi tempoh sebelum dan dalam tempoh pandemik COVID-19 sehingga kini.
81. PR-1441-L11479
Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk meminda Akta 605a berhubung kakitangan akademik universiti untuk memastikan isu integriti dan kebebasan akademik lebih terjamin. Bilakah AUKU akan dimansuhkan dan digantikan dengan undang-undang yang lebih bersepadu dan mampu mengangkat wibawa pengajian tinggi tempatan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Dato' Hajah Azizah Binti Mohd Dun [Beaufort]** akan mencadangkan :-

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya : -

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Keempat Belas."

Menyambung semula perbahasan atas masalah (15 September 2021)

- | | | | |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R 24/2020) | Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 3. | (D.R 13/2020) | Rang Undang-Undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 | " |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 4. | (D.R 14/2020) | Rang Undang-Undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 | " |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 5. | (D.R 15/2020) | Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 | " |
| | | [Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi] | |
| 6. | (D.R 12/2020) | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 | " |
| | | [Menteri Dalam Negeri] | |

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM16,500 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang Pembangunan".

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM7,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta 275 dan seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830], iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang COVID-19".

9. PR-1441-U(27)201

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-

"mencadangkan Kerajaan supaya meminda Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan bagi memperjelaskan tatacara pembatalan Proklamasi Darurat dan Ordinan-Ordinan Darurat."

[Perdana Menteri]

10. PR-1441-U(27)202

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-

"mencadangkan Kerajaan Persekutuan supaya melakukan pindaan Perlembagaan terhadap Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa Kerajaan-Kerajaan negeri dalam bidang kesihatan awam dan juga aktiviti kegiatan ekonomi."

[Perdana Menteri]

11. PR-1441-U(27)203

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Merasai penderitaan rakyat akibat kehilangan insan tersayang akibat COVID-19, kehilangan sumber pendapatan, serta kesukaran meneruskan pembelajaran dan pengajaran dalam sistem persekolahan yang sedia ada;

Menyedari pelbagai masalah dan kecelaruan dalam pembuatan serta pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Kerajaan di peringkat Kampung;

Menyedari hakikat bahawa struktur Majlis Keselamatan Negara yang ada terbukti tidak dapat merangkumi secukupnya suara pembangkang Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan negeri untuk membentuk muafakat rentas-parti dan rentas Kerajaan yang berkesan untuk menangani pemulihan ekonomi dan kesihatan;

Mengambil maklum dasar dan SOP yang diperlukan untuk menangani wabak COVID-19 mungkin tidak popular pada permulaan dan hanya boleh berjaya jika tanggungjawab politik ditanggung bersama oleh semua parti politik dan Kerajaan negeri sebagai Tim Malaysia untuk meyakinkan masyarakat;

Mengambil maklum pemusatan kuasa dalam bidang kesihatan dan kesihatan awam di bawah Jadual ke-Sembilan Perlembagaan Persekutuan yang telah menghindari Kerajaan-Kerajaan negeri daripada memberikan sumbangan yang lebih besar dalam melawan wabak COVID-19; dan

Menerima hakikat peri pentingnya pandangan dan sokongan Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar, pemimpin-pemimpin kanan parti Pembangkang dan pakar-pakar dalam masyarakat, sektor profesional dan sektor swasta untuk membantu Menteri-Menteri Persekutuan dan pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis dalam pembuatan keputusan dasar serta SOP yang inklusif;

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah bersetuju untuk mencadangkan Kerajaan supaya menubuhkan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI UNTUK PEMULIHAN EKONOMI DAN KESIHATAN RAKYAT dengan terma-terma seperti berikut:-

1. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan Ketua Pembangkang Parlimen sebagai timbalan pengerusi;
2. Dianggotai oleh tiga kumpulan: Pertama, sejumlah menteri termasuk Menteri Pertahanan, Menteri Kesihatan, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pelancongan, Menteri Pendidikan dan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak; Kedua, ahli-ahli parlimen pembangkang yang menggambarkan kepelbagaian parti dan dalam jumlah yang sama; dan ketiga, semua Ketua Menteri dan Menteri Besar daripada 13 buah negeri;

3. Menerima input profesional dan kepakaran daripada sektor ekonomi, kesihatan awam dan pendidikan bersama-sama pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis; dan

4. Bermesyuarat setiap minggu sebelum mesyuarat Kabinet untuk menerima laporan dan mengambil tindakan atas perkara-perkara seperti pengangguran dan penutupan perniagaan, jangkitan, kemasukan hospital (*hospitalization*) dan kematian akibat COVID-19, prestasi vaksinasi rakyat ; Pelaksanaan SOP, keadaan persekolahan dan prestasi sektor utama ekonomi;

DAN bersetuju untuk menuntut Perdana Menteri melaporkan status penubuhan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI dalam tempoh 60 hari daripada usul ini dipersetujui oleh Dewan Yang Mulia ini. "

[Perdana Menteri]

12. PR-1441-U(27)204

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Usul Menambah 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai tambahan kepada 9 Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada.

Menerima hakikat bahawa terdapat 20 lagi portfolio dalam Kementerian-Kementerian yang belum lagi dimasukkan dalam 9 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang sudah ditubuhkan.

Menyedari tuntutan rakyat agar Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan untuk memastikan agar duit cukai mereka digunakan sebaik-baik mungkin untuk kesejahteraan rakyat.

Menyedari juga kewajipan-kewajipan Ahli-ahli Parlimen sebagai tonggak pelaksanaan institusi parlimen sebagai semak dan imbang terhadap Kerajaan dan

Menerima hakikat bahawa masih ada 88 Ahli Dewan Rakyat serta sebilangan Ahli-ahli Dewan Negara yang belum dilantik dalam mana-mana Jawatankuasa Parlimen.

Maka saya dengan ini (bagi pihak 55 Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah menghantar memorandum kepada Tuan Yang di-Pertua mohon supaya ditubuhkan 13 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen) meminta supaya Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan menubuhkan 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen seperti berikut: Sekiranya jumlah MP bagi setiap PSSC tidak ditambahkan, kami menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan 13 PSSC baharu bagi portfolio-portfolio berikut:

No	Portfolio Menteri	PSSC Sepadan Diperlukan
1	JPM - Hal Ehwal Sabah dan Sarawak	Federalisme dan Desentralisasi*
2	JPM - Hal Ehwal Agama	Hal Ehwal Agama*
3	Hal Ehwal Luar Negeri	Hal Ehwal Luar Negeri
4	Alam Sekitar dan Air	Alam Sekitar dan Air
5	Tenaga dan Sumber Asli	Tenaga dan Sumber Asli
6	Pengangkutan	Pengangkutan**
7	Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Perumahan dan Kerajaan Tempatan**
8	Wilayah Persekutuan	Wilayah Persekutuan
9	Sumber Manusia	Sumber Manusia
10	Komunikasi dan Multimedia	Komunikasi dan Multimedia
11	Belia dan Sukan	Belia dan Sukan
12	Pelancongan, Seni dan Budaya	Pelancongan, Seni dan Budaya
13	Perpaduan Negara	Perpaduan Negara
14	Pembangunan Usahawan dan Koperasi	Pembangunan Usahawan dan Koperasi

[Perdana Menteri]

13. PR-1441-U(27)205

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuan] akan mencadangkan :-

"Usul Pindaan Perlembagaan Pasal 1(2).

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad dalam Kerajaan yang lalu sudah pun mengumumkan bahawa Sabah dan Sarawak adalah *equal partner* persekutuan Malaysia. Dan

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tan Sri Mahiaddin Yassin juga telah mengumumkan status Sabah dan Sarawak sebagai Wilayah. Dan

Menyedari pelbagai kekeliruan di kalangan anggota perkhidmatan awam dan juga rakyat jelata telah timbul akibat daripada siri pengumuman tersebut.

Menerima hakikat bahawa rakyat Sabah dan Sarawak sudah sekian lama membuat tuntutan agar kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai *equal partner* ditunai dan dilaksanakan melalui perundangan. Dan

Menerima hakikat tentang sebutan asal Perlembagaan Persekutuan sebenarnya sudah mengambil kira kedudukan Sabah tersebut sebelum pindaan Pasal 1(2) dilakukan pada tahun 1976.

Maka dengan itu Dewan yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar Kerajaan membentangkan pindaan terhadap Pasal 1(2) dengan memasukkan kehendak dan cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam sesi persidangan parlimen kali ini."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2021</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 2	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Lada Malaysia Bagi Tahun 2019	20 September 2021
ST. 16	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi Bagi Tahun 2019	20 September 2021
ST. 17	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara Bagi Tahun 2019	20 September 2021
ST. 19	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia Bagi Tahun 2019	20 September 2021
ST. 27	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Yayasan Guru Tun Hussein Onn Bagi Tahun 2019	20 September 2021
ST. 28	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia Bagi Tahun 2019	20 September 2021
ST. 29	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) Bagi Tahun 2019	20 September 2021
ST. 30	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pemantauan Audit Bagi Tahun 2020	20 September 2021
ST. 31	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Bagi Tahun 2020	20 September 2021
ST. 101	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Bagi Tahun 2019	20 September 2021
ST. 102	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia Bagi Tahun 2019	20 September 2021

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 20.09.2021 (Isnin)	1. YB Dato' Sri Azalina Othman Said (Pengerang)	1. Status Tindakan Penyelesaian Perumahan Generasi Kedua FELDA Di Kawasan Parlimen Pengerang	1. YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri
2. 20.09.2021 (Isnin)	2. YB Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (Batu Gajah)	2. Pertimbangan Mengkaji Semula Premium Insurans Perubatan	2. YB Menteri Kewangan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**